

Pemain kebangsaan bantu UPM belasah UiTM 36-0

KUALA LUMPUR: Lima pemain kebangsaan menjadi tonik kekuatan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mendominasi hari pertama ragbi membelasah Universiti Teknologi Mara (UiTM) 36-0 saingan kumpulan Karinal Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2024 di sini, semalam.

Selaku juara bertahan, UPM tampil garang pada perlawanan pertama tanpa memberi ruang kepada lawan mencuri mata, malah turut meratah skuad Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 36-0.

Bagaimanapun, jurulatih UPM, Khairirizal Ali Ahmad berkata, beliau masih belum berpuas hati akan prestasi anak-anak buahnya, terutama di bahagian pertahanan.

“Secara keseluruhan bahagian serangan mereka sudah mantap. Sepanjang hari pertama ini saya masih belum berpuas hati bahagian pertahanan.

“Banyak kesilapan mudah dan *tackling* mereka masih belum padu. Jika kesilapan mereka berterusan akan mem-

beri lawan peluang untuk menjejaskan kami.

Skuad ragbi 7s UPM dianggotai lima pemain kebangsaan iaitu Muhammad Hafiezie Sudin, Wan Azli Wan Omar, Amar Zamri, Adeen Iman dan Akmal Hakim yang mana mereka muncul juara Kejohanan Tujuh Sebelah Asia Tenggara (SEA 7s) 2024 selepas menewaskan Singapura 14-10.

Dalam pada itu, kapten pasukan UPM, Muhammad Hafiezie tekad untuk mempertahankan gelaran selepas tidak berada di pasukan pada MASUM edisi lalu susulan Kejohanan Ragbi Asia Tujuh Sebelah (AR7s) 2023.

“Alhamdulillah kami berjaya menang dua perlawanan hari ini. Kalau lihat peringkat kumpulan, kami memang lawan dengan pasukan yang selalu di pentas final MASUM.

“Kami hanya kekalkan momentum kami. Kami akan mempertahankan gelaran edisi kali ini. Ianya tidak mudah tapi perlawanan hari ini sudah membuktikan kepada tahap prestasi kami,” katanya.



PERLAWANAN ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) menentang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di padang Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN MASUM 2024